



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

GARIS PANDUAN PENYERTAAN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) KPKT 2017





ISI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
BAB 1	PENGENALAN 1.1 TUJUAN 1.2 OBJEKTIF	2-3
BAB 2	PENYERTAAN 2.1. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN 2.2. BIDANG DAN KATEGORI PROJEK KIK 2.3. KRITERIA PROJEK KIK 2.4. PEMBENTUKAN KUMPULAN 2.5. KOMPONEN KIK 2.6. PENOLAKAN PENYERTAAN 2.7. PERMOHONAN PENYERTAAN 2.8. PEMBENTANGAN PROJEK	4-13
BAB 3	PENILAIAN 3.1 KRITERIA PENILAIAN PROJEK	14
BAB 4	PENGIKTIRAFAN 4.1 PENGANUGERAHAN DAN HADIAH	15
LAMPIRAN	A BORANG PERMOHONAN PENYERTAAN DAN RINGKASAN PROJEK B FORMAT DAN KRITERIA PENILAIAN C FORMAT LAPORAN HAB INOVASI SEKTOR AWAM (HISA)	16-25



BAB 1: PENGENALAN

1.1 TUJUAN

- Memberi penjelasan berhubung tatacara penyertaan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Horizon Baharu peringkat Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Panduan ini dihasilkan selaras dengan pekeliling yang dikeluarkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) iaitu **Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam Bil. 1 Tahun 2016 mengenai Panduan Pembudayaan dan Pemerkasaan Inovasi Dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif.**
- Memaklumkan mengenai syarat-syarat penyertaan, kriteria penilaian dan skema pemarkahan KIK Horizon Baharu KPKT.
- Memaklumkan bahawa penyertaan projek KIK dinilai berdasarkan kepada kriteria dan format KIK Horizon Baharu seperti mana yang telah ditetapkan oleh pihak Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

1.2 OBJEKTIF

- Menekankan konsep pengurusan secara kemanusiaan yang mengutamakan aspek modal insan dan konsep pengurusan secara penyertaan tanpa mengira kedudukan dalam organisasi diberi peluang untuk memberi sumbangan yang bermakna kepada organisasi;
- Merupakan satu mekanisme yang melibatkan pekerja dalam proses penyelesaian masalah atau penambahbaikan proses kerja sedia ada atau memperkenalkan sesuatu yang baru;



**GARIS PANDUAN PENYERTAAN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF
PERINGKAT KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN 2017**

- Menerapkan konsep *knowledge-based* dan *creativity-driven* bagi membolehkan organisasi menghasilkan inovasi yang memberi nilai tambah kepada produk atau perkhidmatan;
- Memberi tumpuan kepada idea, pembelajaran, perkongsian ilmu dan penciptaan nilai menerusi strategi pengenalpastian dan penyelesaian masalah, teknik-teknik penganalisan serta penghasilan idea-idea baharu yang kreatif dan inovatif;
- Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan agensi sektor awam dalam penyampaian perkhidmatan dan memelihara kesejahteraan rakyat; dan
- Produk akhir KIK menjurus kepada penghasilan *output* berkualiti yang dapat dinikmati secara meluas. Dengan itu, *outcome*, impak dan sumbangan KIK terhadap pertumbuhan dan pengukuhan ekonomi negara akan lebih berkesan.



BAB 2: PENYERTAAN

2.1 SYARAT - SYARAT PENYERTAAN

- 2.1.1** Penyertaan adalah dibuka kepada semua KIK daripada Jabatan/Agensi/Bahagian di KPKT.
- 2.1.2** Projek yang menyertai pertandingan hendaklah merupakan projek yang telah selesai dijalankan sebelum tarikh akhir penyerahan dokumentasi projek kepada pihak urus setia.
- 2.1.3** Projek yang dipersembahkan mestilah belum pernah dipersembahkan dalam mana-mana Konvensyen KIK Negeri/Kebangsaan (Sektor Awam) pada tahun-tahun sebelumnya.
- 2.1.4** Projek yang dihasilkan mestilah merupakan projek yang terbaru dan terkini.

2.2 BIDANG DAN KATEGORI PROJEK KIK

2.2.1 Inovasi Sosial


- Inovasi sosial merangkumi kaedah penyelesaian baharu (idea, model dan perkhidmatan) yang mampu memenuhi kepentingan sosial dengan lebih berkesan dan mengutamakan penglibatan rakyat secara menyeluruh.
- Fokus pelaksanaan inovasi sosial tidak hanya kepada pencapaian impak sosial semata-mata, malah memberikan penekanan kepada proses penglibatan rakyat dalam membangun sesuatu inovasi.
- Ciri-ciri utama inovasi sosial adalah:
 - a) Pendekatan eksperimen yang berasaskan kepada bukti dan penemuan hasil pelaksanaan prototaip secara berulang untuk mendapatkan hasil yang terbaik.



**GARIS PANDUAN PENYERTAAN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF
PERINGKAT KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN 2017**

- b) Jalinan rangkaian yang menggalakkan kerjasama dan kolaborasi merentasi pelbagai sektor termasuk agensi awam, pihak swasta dan individu dalam masyarakat.
- c) Pembangunan inisiatif baharu oleh agensi Kerajaan bersama-sama rakyat bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang menepati keperluan sebenar mereka.

Rajah 1: Kategori bagi Bidang Inovasi Sosial dan Contoh Projek Yang Dihasilkan



2.2.2 Inovasi Penyampaian Perkhidmatan

- Inovasi penyampaian perkhidmatan merupakan terjemahan idea baharu yang kreatif dan inovatif untuk mencapai tahap transformasi penyampaian perkhidmatan kerajaan.




**GARIS PANDUAN PENYERTAAN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF
PERINGKAT KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN 2017**

- Inovasi ini bermatlamat meningkatkan produktiviti, kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan ke arah penyampaian perkhidmatan yang bersepadu dan lancar serta meningkatkan kepuasan hati pelanggan.
- Inovasi yang dihasilkan perlu mempunyai nilai tambah serta berupaya menyediakan perkhidmatan yang lebih inovatif, memperluas liputan perkhidmatan dan mudah diakses rakyat.
- Idea-idea ini boleh merangkumi penambahbaikan kepada sistem dan prosedur, kaedah dan cara bekerja mahupun pengenalan teknologi baharu dalam pelbagai aspek, antaranya termasuklah:
 - a) Pengurusan Strategik dan Kepimpinan Organisasi
 - b) Budaya Kerja
 - c) Kewangan dan Aset
 - d) Pengurusan Perhubungan Pelanggan
 - e) Pengurusan Sumber Manusia
 - f) Pengurusan Projek Pembangunan
 - g) Pembangunan Teknologi Makluniat dan Komunikasi (ICT)
- Ciri-ciri inovasi penyampaian perkhidmatan adalah:
 - a) Memberi impak ketara dan positif kepada pelanggan.
 - b) Meningkatkan kecekapan dan mengoptimum kos dalam menangani kekangan sumber kewangan dan sumber manusia.
 - c) Memanfaatkan keupayaan teknologi terkini.
 - d) Memperkenalkan pendekatan penyampaian perkhidmatan baharu atau memantapkan kaedah semasa yang kurang berkesan.




**GARIS PANDUAN PENYERTAAN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF
PERINGKAT KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN 2017**

Rajah 2: Kategori bagi Bidang Inovasi Penyampaian Perkhidmatan dan Contoh Projek Yang Dihasilkan



Rajah 3: Bidang Inovasi dalam KIK, Kategori Inovasi dan Tahap Keberhasilan




2.3 KRITERIA PROJEK KIK

Lima kriteria yang perlu diambil kira oleh KIK di peringkat awal penghasilan projek bagi memastikan projek yang dipilih berjaya dilaksanakan dan seterusnya berpotensi untuk dikembangkan ditunjukkan pada Rajah 4.



**GARIS PANDUAN PENYERTAAN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF
PERINGKAT KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN 2017**

Rajah 4: Kriteria Penghasilan Projek yang Berpotensi untuk dikembangkan





**GARIS PANDUAN PENYERTAAN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF
PERINGKAT KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN 2017**

2.4.1 KIK Primer

- Sekumpulan kakitangan yang terdiri daripada sekurang-kurangnya dua orang tetapi tidak melebihi 10 orang daripada agensi sama yang bekerjasama untuk melaksanakan projek KIK yang terdiri daripada:
 - a) Seorang Ketua Projek
 - b) Sembilan Orang Ahli Kumpulan

2.4.2 KIK Hibrid

- Sekumpulan kakitangan terdiri daripada dua atau lebih agensi yang bersilang fungsi yang bekerjasama untuk melaksanakan projek KIK Hibrid.
- Bilangan ahli tertakluk pada skala, kos, kategori projek dan dipersetujui oleh pihak yang melaksanakan projek.

2.5 KOMPONEN KIK

2.5.1 KIK digalakkan untuk mewujudkan identiti kumpulan tersendiri seperti:-

- Nama Kumpulan
- Logo Kumpulan
- Visi Kumpulan
- Misi Kumpulan

2.5.2 Fasilitator

- Pelantikan fasilitator bergantung pada keperluan KIK. Unit Inovasi agensi masing-masing boleh memberi khidmat sebagai fasilitator. Pelantikan fasilitator bukan suatu kemestian.



**GARIS PANDUAN PENYERTAAN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF
PERINGKAT KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN 2017**

2.5.3 Ketua Kumpulan

- Ketua kumpulan merupakan seorang daripada ahli KIK. Persetujuan bersama hendaklah dicapai ketika proses pemilihan ketua kumpulan agar tidak timbul sebarang isu yang boleh menjejaskan perkembangan kumpulan.

2.5.4 Ahli Kumpulan

- Keahlian KIK terbuka kepada semua anggota dalam organisasi. Bagi KIK Hibrid, keanggotaan kumpulan yang mewakili Jabatan/Agensi/Bahagian masing-masing hendaklah seimbang atau pada bilangan yang munasabah.
- Jabatan/Agensi/Bahagian yang terlibat dalam KIK Hibrid digalakkan untuk menyediakan suatu memorandum persefahaman secara bertulis bagi memastikan kepentingan semua pihak terpelihara.

2.6 PENOLAKAN PENYERTAAN

- 2.6.1** Urus setia berhak menolak penyertaan dari mana-mana kumpulan KIK yang tidak layak berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan.
- 2.6.2** Keputusan pemilihan kumpulan-kumpulan yang layak untuk menyertai Konvensyen KIK peringkat KPKT yang ditentukan berdasarkan syarat penyertaan adalah muktamad.
- 2.6.3** Keputusan panel penilai dalam Konvensyen KIK peringkat KPKT terhadap penilaian projek kumpulan adalah muktamad.



**GARIS PANDUAN PENYERTAAN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF
PERINGKAT KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN 2017**

2.7 PERMOHONAN PENYERTAAN

2.7.1 Kumpulan KIK yang menyertai KIK peringkat KPKT dikehendaki mengemukakan borang permohonan yang disediakan seperti di **Lampiran A (Bahagian A)**.

2.7.2 Borang permohonan hendaklah dilengkap dan disahkan oleh Ketua Jabatan.

2.7.3 Setiap kumpulan hendaklah mengemukakan perkara-perkara berikut kepada pihak urus setia sebelum tarikh tutup iaitu:-

a) Ringkasan Eksekutif – Lampiran A (Bahagian B)

(300-500 patah perkataan / tidak melebihi dua muka surat. Ringkasan projek tidak dikira dalam jumlah muka surat)

b) Enam salinan laporan

- Laporan mengikut susunan aturan kriteria penilaian projek.
- Perincian projek **3000-5000 patah perkataan / tidak melebihi 15 muka surat** tidak termasuk lampiran.
- Lampiran tidak melebihi 15 muka surat.
- Minimum saiz tulisan adalah 11 dengan jenis *font Arial* dan *spacing multiple* at 1.15

c) Gambar Projek (Softcopy-jpg @jpeg)

d) Logo Kumpulan dan Gambar Ahli Kumpulan (Softcopy-jpg @jpeg)

e) Video (sekiranya ada) (Softcopy)*

f) Laporan Hab Inovasi Sektor Awam (Lampiran C) (Softcopy- microsoft word)

***Semua softcopy perlu dimasukkan dalam satu CD sahaja.**



**GARIS PANDUAN PENYERTAAN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF
PERINGKAT KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN 2017**

2.7.4 Laporan Borang permohonan dan *hardcopy/softcopy* projek yang telah dilengkap dan disahkan hendaklah dikemukakan sebelum atau pada **10 Ogos 2017 (Khamis) jam 4.30 petang** kepada:

**URUS SETIA KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)
KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN**

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Bahagian Keurussetiaan Strategik dan Hubungan Antarabangsa
Aras 20, No. 51, Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya

No. Tel : 03-8891 5103 / 5074 / 5075 / 5114
No. Faks : 03-8891 3088
E-mel : inovasi@kpkt.gov.my

2.8 PEMBENTANGAN PROJEK KIK

2.8.1 Ketetapan masa pembentangan projek KIK dibahagikan seperti berikut:-

PERKARA	MINIT	LOCENG
Bersiap Sedia dan Memasang Peralatan	5 Minit	Loceng dibunyikan menandakan masa persiapan bermula.
Pembentangan <ul style="list-style-type: none">• Loceng Pertama• Loceng Kedua• Loceng Ketiga	10 Minit	Termasuk Persembahan Video/Montaj <ul style="list-style-type: none">• Minit pertama [dua Kali]• Minit ke-8• Minit ke-10 [dua Kali]
Sesi Soal Jawab bersama Panel Penilai	10 Minit	Loceng Dibunyikan Menandakan Masa Viva Sudah Tamat



**GARIS PANDUAN PENYERTAAN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF
PERINGKAT KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN 2017**

- 2.8.2** Permulaan video/montaj atau kata-kata pembukaan peserta dianggap sebagai bermulanya masa pembentangan peserta dan loceng akan berbunyi sebanyak dua kali.
- 2.8.3** Penilaian akan bertumpu kepada keberhasilan projek iaitu dari segi *outcome* dan impak. Pelbagai kaedah/alat penilaian akan digunakan oleh panel penilai bagi penilaian projek-projek yang layak di peringkat ini.
- 2.8.4** Projek KIK ini akan dinilai oleh panel penilai yang diiktiraf oleh INTAN.
- 2.8.5** Semasa sesi pembentangan, setiap kumpulan digalakkan juga untuk membawa dokumen sokongan sebagai pembuktian, sekiranya perlu.
- 2.8.6** Sesi pembentangan ini akan dibuat secara tertutup dan setiap kumpulan perlu mematuhi jadual giliran pembentangan yang telah ditetapkan.



BAB 3: PENILAIAN

3.1 KRITERIA PENILAIAN PROJEK

3.1.1 Penilaian ke atas KIK yang bertanding di dalam Konvensyen KIK peringkat KPKT akan dibuat berdasarkan skema pemarkahan yang dikeluarkan oleh INTAN.

3.1.2 Pembahagian markah yang digunakan adalah seperti berikut:-

Penilaian Projek

- a) Dokumentasi : 70%
- b) Sesi Soal Jawab : 30%

3.1.3 Penilaian dokumentasi dan sesi soal jawab akan dibuat berdasarkan kriteria dengan peruntukan peratusan markah seperti berikut:

BIL	KRITERIA	MARKAH (%)
1.	Latar Belakang Projek dan Penglibatan Pihak Pengurusan	4
2.	Signifikan Pemilihan Projek dan Pembuktian	10
3.	Tindakan Penyelesaian dan Pembuktian	23
4.	Keberhasilan Projek: <i>Outcome</i> Projek dan Pembuktian	35
5.	Keberhasilan Projek: Impak Projek dan Pembuktian	18
6.	Potensi Pengembangan Projek	10
JUMLAH		100

3.1.4 Maklumat terperinci bagi penilaian dokumentasi dan sesi soal jawab adalah menggunakan format dan kriteria penilaian seperti **Lampiran B**.



BAB 4: PENGIKTIRAFAN

4.1 PENGANUGERAHAN DAN HADIAH

Projek-projek KIK yang bertanding akan dinilai oleh panel penilai yang diiktiraf oleh pihak INTAN. Hadiah-hadiah kepada para pemenang Konvensyen KIK peringkat KPKT Tahun 2017 akan disampaikan semasa Sambutan Hari Inovasi KPKT Tahun 2017.

Anugerah diberikan dalam bentuk monetari dan bukan monetari sebagai insentif yang dapat menggalakkan warga Jabatan/Bahagian Agensi untuk lebih membudayakan inovasi. Hadiah-hadiah akan dianugerahkan kepada Johan, Naib Johan dan tempat ketiga berdasarkan Pekeliling W.P 5.3: Peraturan Mengenai Sambutan Hari Inovasi.

PEMENANG	BIDANG	HADIAH BAGI SETIAP BIDANG
Johan	Inovasi Sosial	RM5,000.00 Piala dan Sijil Penghargaan
	Inovasi Penyampaian Perkhidmatan	
Naib Johan	Inovasi Sosial	RM3,000.00 dan Sijil Penghargaan
	Inovasi Penyampaian Perkhidmatan	
Tempat Ketiga	Inovasi Sosial	RM2,000.00 dan Sijil Penghargaan
	Inovasi Penyampaian Perkhidmatan	
Saguhati	Inovasi Sosial	Sijil Penyertaan
	Inovasi Penyampaian Perkhidmatan	

Kumpulan Hibrid dipertandingkan bersekali dengan kumpulan Primer bagi setiap bidang yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, agihan hadiah bagi setiap bidang juga tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.



**GARIS PANDUAN PENYERTAAN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF
PERINGKAT KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN 2017**

LAMPIRAN A

Semua Peserta Mesti Membaca Peraturan Dan Syarat-Syarat Penyertaan

- * Semua Borang Penyertaan Mesti Ditaip
- * Salinan Fotostat Borang Penyertaan Diterima

BAHAGIAN A: MAKLUMAT ORGANISASI, KUMPULAN DAN PROJEK

MAKLUMAT ORGANISASI, KUMPULAN DAN PROJEK	
NAMA ORGANISASI	
ALAMAT ORGANISASI	
NAMA KUMPULAN	
TAJUK	
TARIKH MULA PROJEK	
TEMPOH PELAKSANAAN PROJEK	
KIK	<p>(Sila tandakan (√) kotak yang berkaitan)</p> <p>Primer <input type="checkbox"/> Hibrid <input type="checkbox"/></p>



**GARIS PANDUAN PENYERTAAN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF
PERINGKAT KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN 2017**

BIDANG INOVASI	(Sila tandakan (√) kotak yang berkaitan) Sosial <input type="checkbox"/> Penyampaian Perkhidmatan <input type="checkbox"/>
KATEGORI INOVASI	(Sila tandakan (√) kotak yang berkaitan) Penciptaan <input type="checkbox"/> Penambahbaikan <input type="checkbox"/>
PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB	
FASILITATOR KUMPULAN (JIKA ADA)	
NAMA	
GRED DAN JAWATAN	
NO. TELEFON PEJABAT/ FAKS	
NO. TELEFON BIMBIT	
E-MEL	
KETUA KUMPUIAN	
NAMA	
GRED DAN JAWATAN	
NO. TELEFON PEJABAT/ FAKS	
NO. TELEFON BIMBIT	
E-MEL	



**GARIS PANDUAN PENYERTAAN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF
PERINGKAT KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN 2017**

SENARAI NAMA AHLI KUMPULAN	1)
	2)
	3)
	4)
	5)
	6)
	7)
	8)
	9)
GAMBAR KUMPULAN	
<p>*Silakan kemukakan juga dalam bentuk “<i>softcopy</i>” (format jpeg) (Disediakan dalam bentuk cakera padat atau e-mel kepada inovasi@kpkt.gov.my)</p>	
Keterangan gambar : Nama mengikut susunan seperti di gambar	



**GARIS PANDUAN PENYERTAAN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF
PERINGKAT KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN 2017**

PENGESAHAN KETUA JABATAN

Dengan ini adalah disahkan bahawa.....
(Nama Pejabat) akan menyertai Kumpulan Inovatif dan Kreatif peringkat Kementerian
Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan 2017.

.....
(Tandatangan Ketua Jabatan)

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

SILA RUJUK GARIS PANDUAN UNTUK MAKLUMAT LEBIH TERPERINCI



BAHAGIAN B: RINGKASAN EKSEKUTIF

MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	
Bidang dan Kategori	
RINGKASAN EKSEKUTIF	
<p>Ringkasan Eksekutif merangkumi perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Prejek KIK yang dilaksanakan2. Menjelaskan keberhasilan projek: <i>Outcome</i> dan Impak Projek3. Menjelaskan potensi pengembangan projek <p>(300-500 patah perkataan, tidak melebihi dua muka surat)</p>	



**GARIS PANDUAN PENYERTAAN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF
PERINGKAT KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN 2017**

LAMPIRAN B

**FORMAT PENILAIAN KIK PRIMER & HIBRID
(PERINGKAT KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN)**

KIK : **PRIMER / HIBRID**
NAMA KUMPULAN :
JABATAN :
BIDANG PROJEK : **INOVASI SOSIAL / INOVASI PENAMBAHBAIKAN**
KATEGORI PROJEK : **PENCIPTAAN / PENAMBAHBAIKAN**
TAJUK PROJEK :

BIL.	KRITERIA PENILAIAN	SUB-KRITERIA PENILAIAN	WAJARAN	MARKAH (SKALA 1-5)	JUMLAH
1.	Latar Belakang Projek dan Penglibatan Pihak Pengurusan (4)	a	Sokongan dan kelulusan pihak pengurusan tertinggi setiap agensi terlibat	4	
2.	Signifikan Projek & Pembuktian (10)	a	Kaitan dengan fungsi utama jabatan/organisasi	1	
		b	Memenuhi kehendak pelanggan dan pemegang taruh (stakeholder)	2	



**GARIS PANDUAN PENYERTAAN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF
PERINGKAT KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN 2017**

		c	Kaitan dengan agenda nasional *bukti usahasama antara agensi -TN50 -GTP -ETP -SOSIAL -Rancangan Malaysia	3		
		d	Kaitan dengan keadaan dan ekosistem semasa - <i>localised (addressing local needs)</i> - kegawatan ekonomi	2		
		e	Pembuktian melalui analisis (bagi tujuan penyelesaian) dan ujicuba	2		
3.	Tindakan Penyelesaian & Pembuktian (23)	a	Cadangan penyelesaian	4		
		b	Pelan tindakan penyelesaian	6		
		c	Pelaksanaan tindakan penyelesaian	10		
		d	Perakuan daripada pihak bertauliah	3		
4.	Keberhasilan Projek					
4.1	<i>Outcome</i> projek (dijangka) & pembuktian (35)	a	Kesan jangka pendek	12		
		b	Nilai tambah @ <i>value added</i>	13		
		c	Pembuktian melalui data dan sumber rasmi	10		



**GARIS PANDUAN PENYERTAAN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF
PERINGKAT KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN 2017**

4.2	Impak projek (luar jangka) & pembuktian	a	Kesan jangka panjang — kesan kepada pembangunan serta kemajuan negara	6		
		b	Impak projek (hasil luar jangka)	6		
		c	Pembuktian melalui data rasmi	6		
5.	Potensi pengembangan inovasi (10)	a	Tahap ketersediaan teknologi/ sistem/ proses	4		
		b	Tahap replikasi/ pengkomersialan (ROI) -penyeragaman dan pemantauan	6		



TAJUK/NAMA INOVASI
NAMA KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI

PENGENALAN

- Latar belakang ringkas perkhidmatan.

LAPORAN INOVASI (Nyatakan secara ringkas yang mana berkaitan)

- Tujuan Projek Inovasi
- Proses Pelaksanaan Inovasi
 - Nyatakan jika dibuat *in-house* atau *out-source*
- Proses **sebelum** dan **selepas**
- Elemen penurunan kuasa (jika ada)
- Impak inovasi terhadap kumpulan sasar/perkhidmatan/
jabatan/agensi/Negara :
 - **Elemen Inovatif/Kreativiti**
 - Penciptaan nilai/elemen baru/tambahbaik
 - Elemen mempermudah/penyelesaian masalah
 - Lain-lain berkaitan
 - **Elemen Keberkesanan**
 - Gambaran faedah yang nyata diperolehi
 - Peningkatan produktiviti/kepuasan
 - Penjanaan pendapatan (sekiranya berkaitan)
 - **Elemen Signifikan**
 - Bagaimana perkhidmatan boleh mesra pelanggan
 - Penjimatan masa/kos/sumber manusia
 - Sejauh mana ianya memenuhi objektif inisiatif ini



**GARIS PANDUAN PENYERTAAN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF
PERINGKAT KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN 2017**

➤ **Elemen Relevan**

- Sumbangan kepada agenda organisasi/nasional
- Pengiktirafan diterima
- Gambar-gambar berkaitan
- Implikasi Kewangan (jika ada)

PENUTUP

- Kesimpulan secara menyeluruh

Unit Inovasi
Bahagian Keurussetiaan Strategik dan Hubungan Antarabangsa
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan